

---

# **ADVOKASI MEDIA: ANALISIS LIPUTAN BERITA HARIAN ONLINE TERHADAP ISU BERKAITAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA (2014-2020)**

*Mohamad Muzammil Mohamad Noor*

Universiti Sains Malaysia, Malaysia  
muzammil@usm.my

---

## **ABSTRACT**

### **MEDIA ADVOCACY: ANALYSIS OF BERITA HARIAN ONLINE'S COVERAGE ON ISSUES OF PERSONS WITH DISABILITIES IN MALAYSIA (2014-2020)**

Persons with Disabilities (PWD) often receive attention from mass communication media practitioners in Malaysia. For example, the *Berita Harian Online* newspaper, features issues of PWD highlighted by the community, social activists, government officials, and politicians. The main issues of the disabled receiving press attention are such as the mishandling of the provision of access facilities for PWD, employment opportunities, relief assistance, sexual harassment as well as educational and skills opportunities for the disabled. This article discusses reports by the journalists of *Berita Harian Online* as a mass communication media that channels various information and roles through issues concerning the disabled in Malaysia. The qualitative method used collecting current news, writings by journalists, and articles by freelance writers who submitted disabled-related problems and had them published in the *Berita Harian Online* from 2014 to 2020. The findings from this writing have detected how the issues of disabled people submitted by the *Berita Harian Online* have impacted the government, responsible departments, disabled people organizations, and non-governmental organizations in improving the needs and rights of disabled people after hearing their cuts and needs. Some of the issues in this newspaper have received government attention such as the facilities' assistance, educational potential, and the improvement of the ideal accessibility for the disabled in public places.

**Keywords:** *Berita Harian Online, People with Disabilities (PWD), Mass communication media, disabled-related issues, Malaysia*

## **PENGENALAN**

Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) antara segmen masyarakat yang tentunya menaruh harapan tinggi kepada kerajaan Malaysia bagi mempertingkatkan kemudahan akses yang

sempurna di pusat perkhidmatan awam, lokasi awam, bangunan komersial serta bantuan bagi memulakan kehidupan mereka sebagai insan cacat. Sejak sekian lama nasib komuniti OKU di Malaysia secara keseluruhannya tidak terbela, meskipun telah berlaku sedikit sebanyak usaha untuk meningkatkan status mereka dengan memperkasa dan membangunkan keupayaan. Dilihat secara umum terdapat peningkatan dari segi kesedaran masyarakat dan kerajaan tentang situasi dan keperluan komuniti ini, misalnya dari sudut persepsi tentang situasi dan keperluan mereka yang berbeza daripada kelompok masyarakat lain. Namun begitu, dari sudut inklusiviti dan penglibatan dalam proses pembuat keputusan, komuniti OKU masih lagi ketinggalan. Hal ini memerlukan bukan hanya kesedaran, tetapi lebih penting adalah kepedulian sosial oleh pihak kerajaan untuk mengangkat martabat komuniti OKU secara lebih serius (Muzammil, 2019). Langkah awal ke arah meningkatkan inklusiviti komuniti OKU ialah dengan mengukur sejauh mana wujudnya kesedaran tentang mereka sebagai suatu kelompok yang memiliki hak yang sama dengan orang lain dan mengesani reaksi serta aspirasi mereka terhadap *status quo* OKU di negara ini.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKMM) telah mendefinisikan OKU sebagai;

... seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Menurut fakta daripada jabatan itu, dari jumlah 28 juta orang rakyat Malaysia, 10 peratus daripadanya adalah komuniti OKU (Akmal & Zulkifli, 2015). Menerusi data sehingga bulan Januari 2023 daripada JKMM, statistik Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), sejumlah 637,537 OKU telah berdaftar dengan jabatan tersebut (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023). Hal ini menunjukkan pendaftaran OKU masih rendah jika dibandingkan dengan anggaran kira-kira 4.8 juta OKU di Malaysia. OKU di Malaysia dapat dikategorikan mengikut jenis kecacatan yang mereka alami iaitu dari sejak lahir mahupun kecacatan semasa mengalami kemalangan atau mengidap beberapa penyakit kronik. JKMM telah menetapkan tujuh kategori OKU berdasarkan piagam antarabangsa bagi OKU, iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya dalam masalah pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai atau *multiple disabilities* (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Justeru, penulisan ini akan menyorot kembali isu-isu komuniti OKU yang dipaparkan dalam akhbar arus perdana negara, *Berita Harian Online* terhadap permasalahan dan kekangan kehidupan mereka. Secara spesifiknya penulisan ini meneliti dan menjelaskan isu-isu berkaitan komuniti OKU di Malaysia yang dikemukakan oleh para wartawan terpilih menerusi akhbar *Berita Harian Online* memberi dalam usaha menambah baik penyediaan kemudahan akses kepada mereka. *Berita Harian Online* sebagai akhbar nasional yang berpengaruh di Malaysia dan penerbitan media paling cepat dalam penyampaian maklumat terkini kepada masyarakat. Akhbar *online* ini merupakan media komunikasi massa yang menyalurkan maklumat melalui wacana media yang boleh mempengaruhi masyarakat pembaca. Beberapa siri paparan berita dan rencana berkenaan isu-isu OKU yang dihasilkan oleh wartawan dan penulis bebas diteliti dari tahun 2014 hingga tahun 2020. Pemilihan tempoh masa ini disebabkan para wartawan mulai sedar akan keperluan komuniti OKU yang sering diluahkan oleh individu OKU, ibu bapa dan penjaga yang mempunyai

anak OKU, persatuan OKU dan badan bukan kerajaan berkaitan OKU di media sosial mahupun di platform lain seperti mesyuarat persatuan. Selain itu, komuniti OKU negara diberi pengiktirafan kerajaan Malaysia yang mewakili mereka sebagai ahli dewan negara di parlimen, bergelar senator. Ahli dewan negara memainkan peranan penting menerusi isu-isu OKU dalam usaha menaik martabatkan komuniti ini dalam masyarakat seperti K. Bathmavathi dan Ras Adiba Radzi yang mewakili suara komuniti OKU di Parlimen Malaysia. Oleh hal demikian, akhbar dalam talian ini mengemukakan isu-isu OKU yang sering diluah dan dikemukakan oleh komuniti ini melalui persatuan-persatuan orang cacat, dokumentasi dan wawancara di dalam media komunikasi massa seperti siaran berita televisyen dan radio serta media sosial, misalnya *Facebook* dan *Tik Tok*.

### **Objektif Kajian**

Objektif penulisan artikel ini adalah seperti ketetapan berikut:

1. Mengenal pasti liputan isu-isu berkaitan OKU dalam *Berita Harian Online* dari tahun 2014 hingga 2020..
2. menjelaskan peranan *Berita Harian Online* sebagai mediaum menyalurkan pelbagai maklumat dan peranan kesedaran awam terhadap isu-isu tentang komuniti OKU.

### **Persoalan Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian, terdapat beberapa persoalan yang ingin dikupas. Persoalan khusus kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah isu-isu berkaitan OKU yang terdapat dalam akhbar *Berita Harian Online* dari tahun 2014 hingga 2020?
2. Sejauh mana akhbar *Berita Harian Online* berperanan menyalurkan pelbagai maklumat dan peranan kesedaran awam terhadap isu-isu tentang komuniti OKU?

### **TINJAUAN LITERATUR**

Komuniti OKU negara merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Penulisan dan penyelidikan berkenaan OKU Malaysia mula mendapat perhatian para sarjana. Misalnya, dalam penulisan Ikmal Hisham dan Khairil Azmin (2018), membincangkan konsep hak asasi manusia bagi OKU setelah mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa melalui Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Orang Kurang Upaya dan Protokol Pilihan telah diwujudkan pada tahun 2006. Di negara kita, ketiadaan peruntukan penalti dalam Akta OKU (AOKU) 2008 menghalang konsep hak asasi manusia dilaksanakan dengan wajar (Ikmal Hisham, 2013). Menurut penulis tersebut, OKU masih lagi berhadapan dengan persepsi negatif dan diskriminasi masyarakat, sekali gus dinafikan layanan sama rata disebabkan oleh ketidakupayaan mereka (Ikmal Hisham & Khairil Azmin, 2018).

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan Bank Dunia (2011) menganggarkan 10% penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada komuniti OKU. Berdasarkan anggaran

ini, Malaysia dianggarkan mempunyai 2.8 juta OKU. Menurut laporan Mahaizura Abd. Malik dalam *Harian Metro*, daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia, kira-kira 10% adalah OKU dari pelbagai jenis kecacatan. Daripada peratusan tersebut, 45,000 orang mengalami kecacatan mata berdaftar dengan JKMM (Mahaizura Abd. Malik, 2018). Hazlin Falina Rosli et al. (2015) menjelaskan cabaran paling besar OKU di Malaysia adalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Faktor yang menghalang komuniti ini mendapatkan pekerjaan termasuklah sikap negatif dan diskriminasi akibat kurangnya kesedaran mengenai keupayaan komuniti tersebut. Masyarakat khususnya komuniti majikan perlu merubah sikap dengan memberikan fokus kepada keupayaan OKU dan bukannya kekurangan atau ketidakupayaan mereka bagi membantu warga OKU Malaysia memiliki pekerjaan. Dasar 1% diambil bagi memastikan OKU tidak ketinggalan dalam mendapatkan peluang pekerjaan dalam sektor awam.

Pandangan penulis tersebut turut diakui oleh Mohamad Muzammil (2011; 2018) bahawa cabaran yang menjadi halangan kepada OKU untuk mendapatkan pekerjaan adalah kekurangan bangunan dan pengangkutan awam yang mesra kepada komuniti berkenaan. Oleh hal yang sedemikian, pihak yang berwajib terutama kerajaan dan masyarakat perlu membantu mengatasi kurangnya kesedaran dan pengetahuan komuniti majikan mengenai keupayaan OKU di Malaysia (Mohamad Muzammil, 2011, 2022). Menurut pandangan beliau, tahap kecacatan di Malaysia diklasifikasikan kepada berikut:

1. Tahap kecacatan seperti fizikal orang normal: kecacatan yang agak ringan.
2. Tahap kecacatan sederhana: bole berdikari tapi perlu bantuan orang.
3. Tahap kecacatan teruk: tidak mampu kehidupan berdikari dan memerlukan bantuan orang di sekelilingnya.

Mujibu dan Haziah (2014) serta Haziah Saari dan Mujibu Abd Muis (2008) pula menjelaskan bahawa bagi mendekati OKU, pemasaran politik, penyebaran maklumat dalam kempen politik melalui media akhbar, media elektronik dan media sosial adalah perlu kepada komuniti tersebut bagi memberi peluang kepada mereka memilih kerajaan dalam sistem pendemokrasian negara. Antara bentuk pemasaran politik tersebut ialah penyebaran maklumat melalui media massa, penerbitan buku kecil, poster, akhbar dan bantuan masyarakat normal. Buku panduan akan dapat membantu OKU sebagai persediaan ketika mengundi bagi menyediakan kemudahan mesra OKU. Oleh itu, sumber panduan tersebut dapat memastikan komuniti berkenaan dapat mengundi dalam keadaan kondusif dan tidak membebankan mereka dalam setiap Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan. Kemudahan yang disediakan dapat menggalakkan komuniti ini keluar mengundi bagi menjalankan tanggungjawab sama seperti warga negara Malaysia yang normal. Dalam pada yang sama, petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan sukarelawan bertugas pada hari mengundi juga perlu diberi latihan komprehensif mengenai bagaimana membantu dan menyediakan kemudahan untuk OKU.

Fairuz dan Meliana (2017) membuat perbandingan antara dua negara iaitu Indonesia dan Malaysia dalam pelaksanaan kemudahan awam dan rawatan dalam usaha melakukan kepelbagaiannya kepada OKU. Mereka menjelaskan, berlaku jurang yang nyata antara Malaysia dan Indonesia dalam memberi pelbagai bentuk kemudahan dan pandangan kerajaan terhadap kesukaran OKU seperti membuat dasar, pelaksanaan undang-undang serta dalam sektor pendidikan dan kesihatan. Mereka menyifatkan peruntukan dana dan

penyediaan kemudahan terhadap komuniti OKU ternyata lebih tersusun dan berfasiliti mesra OKU di Malaysia. Dalam merealisasikan dan merekayasa OKU negara, peranan media massa berpengaruh dalam menyedarkan masyarakat dan kerajaan. Media merupakan pihak yang dapat memberikan maklumat lanjut tentang OKU dan cara untuk membantu mereka.

Penulisan yang dilakukan oleh Hazlin Fazlina Rosli et al. (2016) dalam peranan media sebagai alat kesedaran sosial OKU di Malaysia dengan tujuan untuk melihat semula fungsi media massa dalam menyebarluaskan maklumat mengenai isu kesamarataan hak OKU kepada masyarakat. Peranan media juga bertujuan meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai hak OKU melalui media massa. Menurut mereka lagi, implikasi daripada kekurangan pengetahuan yang sah mengenai fungsi media massa sebagai pencorak sosiobudaya serta maklumat mengenai kesamarataan hak OKU yang ada, maka hal ini telah menyebabkan kesukaran mengidentifikasi proses pemahaman, penilaian dan pembentukan tingkah laku di dalam masyarakat. Dalam erti kata yang lain, setakat ini, maklumat yang diperoleh agak longgar dan tidak berbentuk empirikal.

Pandangan pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Orang Buta Malaysia, Silatul Rahim Dahman usaha memperkasakan komuniti OKU dengan adanya jati diri berdaya saing dan mempunyai produktiviti dan kreativiti yang menjadi aset kepada negara bukanlah satu beban tetapi harus diberi sokongan dan dukungan yang padu daripada pihak kerajaan baharu (Perlu tujuh ILC demi keperluan OKU, 2019; Mohamad Muzammil, 2022, 36). Silatul Rahim menambah, elauan OKU perlu dipertingkatkan lagi berdasarkan kos kehidupan yang tinggi dan peranan JKM, JPOKU, KPWKMM, Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri harus bertindak tegas dan lebih berperanan supaya komuniti OKU tidak merasa terpinggir di sisi masyarakat lain (Mohamad Muzammil, 2022). Laporan itu juga menyebut, komuniti OKU negara sangat mengharapkan penambahan program dan kemudahan serta peranan bagi membantu membangunkan minda dan fizikal terhadap mereka menjadi lebih produktiviti dan penyumbang kepada pembangunan negara. Komuniti OKU sangat berharap nasib dan peluang mereka dapat dibela dan diberi perhatian yang serius. Sehubungan itu, suara-suara mereka dalam dewan parlimen dan dewan undangan negeri dapat didengari melalui jawatan senator OKU yang lebih berdedikasi daripada senator yang sekarang dan terdahulu. Malah komuniti OKU sangat mengalu-alukan perlantikan daripada komuniti mereka dalam barisan kabinet pentadbiran negara kerana perkara ini sangat penting untuk bertindak sebagai penasihat dalam isu-isu yang melibatkan mereka terutama yang berkaitan aksesibiliti, inklusif ataupun merapatkan jurang perbezaan bertaraf hidup antara masyarakat biasa dengan komuniti OKU di Malaysia.

Mohd Ismail Ibrahim (2014) menerusi penulisan yang bertajuk Persoalan & Penyelesaian Penjagaan Kanak-kanak OKU: Panduan untuk Ibubapa memaparkan panduan ibu bapa yang mempunyai anak-anak cacat dan menjelaskan persoalan, panduan serta bagaimana berkomunikasi dengan mereka. Komunikasi ibu bapa berkesan dalam persoalan dan menyelesaikan penjagaan kanak-kanak OKU ke arah yang cemerlang dan berfungsi. Justeru, komunikasi keibubapaan dalam keluarga yang mempunyai anak-anak istimewa disampaikan dengan teliti oleh penulis ini. Kedua-dua penulisan beliau itu mendapat komunikasi verbal dan non-verbal untuk mencapai matlamat penjagaan dan persoalan berkaitan anak-anak OKU oleh ibu bapa dapat membentuk dan membina kesejahteraan keluarga serta anak-anak OKU. Ibu bapa perlu memahami kesusahan, kepayahan dan keperluan mereka supaya kehidupan sehari-hari dapat menyempurnakan mereka. Oleh hal itu, komunikasi verbal digunakan dalam memberi arahan, bimbingan dan membentuk perapatan

di antara penjaga, anak-anak normal dan anak-anak OKU. Komunikasi non-verbal pula digunakan dalam kerja berpasukan, menunjukkan kasih sayang dan memenuhi keperluan anak-anak mereka yang sempurna ataupun tidak. Pendekatan komunikasi ibu bapa ini dapat diaplikasikan oleh ibu bapa lain yang mempunyai anak-anak OKU dalam membangunkan potensi mereka secara optimum.

Oleh hal demikian, daripada penjelasan di atas, penulisan ini memfokuskan kepada komuniti OKU yang dipaparkan oleh media massa *Berita Harian Online* dari tahun 2014 hingga 2020 disebabkan ia mampu menjadi petunjuk penting kepada kerajaan bagi memahami pandangan umum komuniti OKU terhadap kerajaan pemerintah semasa.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif yang mengetengahkan isu-isu komuniti OKU menerusi *Berita Harian Online* mengenai masalah dankekangan yang dihadapi oleh mereka. Secara khusus, penulisan ini menjelaskan sejauh mana isu OKU disampaikan oleh para wartawan dan penulis bebas dalam akhbar *Berita Harian Online* memberi implikasi kepada individu OKU, ibu bapa dan penjaga OKU, persatuan OKU dan badan bukan kerajaan kepada OKU dalam usaha menambah baik penyediaan akses kepada mereka. Oleh hal demikian, akhbar *Berita Harian Online* merupakan medium komunikasi massa yang menyalurkan maklumat melalui wacana media untuk mempengaruhi komuniti pembaca mereka. Beberapa siri paparan berita dan rencana isu OKU dengan 33 artikel yang dihasilkan oleh wartawan dan penulis bebas diteliti menerusi akhbar dalam talian ini dari tahun 2014 hingga 2020. Akhbar online ini memaparkan isu OKU yang sering diluahkan dan dikemukakan oleh komuniti OKU, persatuan mereka dan badan bukan kerajaan kepada OKU.

## HASIL DAPATAN

Hasil dapatan adalah berdasarkan kepada isu-isu komuniti OKU yang dipaparkan dalam *Berita Harian Online* dari tahun 2014 hingga 2020 terhadap permasalahan dan kekangan kehidupan mereka. Akhbar online ini mengetengahkan atau menonjolkan kepelbagaiannya isu-isu komuniti OKU di Malaysia yang sehingga kini masih diperkatakan dan disuarakan oleh mereka dalam berbagai-bagai media massa dan media sosial. Komuniti ini menyuarakan pandangan dan ketidakpuasan hati mereka kepada media-media ini supaya hak-hak mereka dipedulikan dan dimartabatkan untuk perhatian masyarakat dan pihak pentadbir negara. Antara isu-isu komuniti OKU yang dibangkitkan oleh media arus perdana, *Berita Harian Online* dari tahun 2014 hingga 2020 ialah komuniti OKU paras kemiskinan, peluang berdikari, memberi pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap kecacatan mereka, kebajikan, menaik taraf pendidikan dan fasiliti khas OKU. Hasil dapatan yang telah ditemui, melalui artikel ini dipecahkan subtajuk yang meliputi Pendaftaran OKU, Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008), Penyalahgunaan Akses OKU, Peluang Pekerjaan, Fasiliti Khas OKU, Pendidikan dan Kebajikan, Penderaan dan Gangguan Seksual, serta OKU dan Keagamaan.

### Pendaftaran OKU

Penduduk di Malaysia dianggarkan berjumlah 32.6 juta orang pada tahun 2019 mengikut kadar pertumbuhan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Daripada jumlah tersebut, 10% adalah komuniti OKU dari

pelbagai jenis kecacatan dan daripada jumlah itu hanya 45,000 orang mengalami kecacatan penglihatan yang berdaftar dengan JKMM. Berikutan itu, beberapa orang wartawan *Berita Harian Online* telah mendedahkan isu berkaitan komuniti berkenaan yang masih gagal melakukan pendaftaran kad OKU (KOKU) hingga angka OKU berdaftar dengan JKMM masih menunjukkan kadar yang rendah. Misalnya, dalam akhbar ini melaporkan isu berkenaan pada 19 Ogos 2020 dan 9 April 2015 untuk menasihatkan ibu bapa dan penjaga anak OKU serta komuniti OKU sendiri mendaftar sebagai individu OKU. Menurut laporan akhbar itu, seramai 506,228 OKU telah mendaftar di bawah JKMM (506,228 orang OKU sudah didaftar di bawah JKM, 2014) dan memiliki pendaftaran KOKU. Mengikut data yang diperoleh daripada JKMM, sehingga 31 Disember 2018, OKU yang berdaftar adalah seramai 513,519 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019). Jumlah OKU berdaftar sehingga bulan Jun 2019 pula hanyalah berjumlah 549,554 orang sahaja berbanding tahun sebelumnya (Tindakan tegas jika ibu bapa gagal daftar anak OKU, 2019).

Bagi menggalakkan ibu bapa anak OKU dan komuniti OKU itu mendaftarkan pengesahan kecacatan OKU, wartawan *Berita Harian Online*, Rozdan Mazalan mencatatkan dalam rencananya menggesa mereka bertindak tegas melakukan proses pendaftaran KOKU. Dalam laporan berita itu membandingkan ketegasan England dengan Malaysia dalam proses pendaftaran kanak-kanak OKU bahawa penjaga anak OKU akan dikenakan tindakan undang-undang jika gagal mendaftar kecacatan anak mereka dengan alasan malu kepada masyarakat serta menyembunyikan mereka di rumah (Rozdan Mazalan, 2019). Tegas Rozdan, ibu bapa yang memiliki anak OKU perlu lebih bertanggungjawab menjaga kebajikan dengan mendaftarkan mereka segera bagi membolehkan komuniti itu menikmati manfaat disediakan oleh kerajaan. Beliau berpendapat, hal ini berikutan masih ramai lagi ibu bapa enggan berbuat demikian atas pelbagai alasan antaranya malu dengan masyarakat kerana dikurniakan cahaya mata tidak normal. Rozdan berpandangan sedemikian disebabkan sejak tahun 2014, angka OKU yang berdaftar dengan JKMM masih rendah berdasarkan kadar kelahiran bayi cacat. Sehingga 31 Januari 2015, hanya 341,011 OKU berdaftar dengan JKMM melalui SMOKU dan ianya masih jauh lebih rendah daripada angka anggaran seramai 4.5 juta orang daripada jumlah penduduk Malaysia, 30.1 juta orang (Angka OKU daftar dengan JKM masih rendah, 2015). Justeru, JKMM merayu ibu bapa dan penjaga serta komuniti ini lebih prihatin mendaftarkan anak OKU dan diri masing-masing, sekali gus melayakkan mereka menerima keistimewaan yang diperuntukkan kerajaan antaranya, mereka yang bekerja boleh mendapat Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi OKU berusia 18 tahun dan Skim Takaful MySalam secara percuma (Tindakan tegas jika ibu bapa gagal daftar anak OKU, 2019).

Pendaftaran KOKU adalah bagi mengesan bilangan jumlah kategori OKU supaya pihak kerajaan dapat membuat perancangan dan membantu kehidupan mereka. Misalnya sehingga bulan Oktober 2014, aktiviti pendaftaran KOKU telah mengenal pasti kategori OKU masalah pembelajaran mencatat tertinggi jumlahnya iaitu 182,055 orang, diikuti kecacatan fizikal seramai 166,206 orang, masalah pendengaran 59,868 orang, masalah penglihatan (47,721), pelbagai kecacatan (25,349), kecacatan mental (21,237) dan masalah pertuturan (3,792) (506,228 orang OKU sudah didaftar di bawah JKM, 2014). Setelah pihak kerajaan mengenal pasti jenis kecacatan serta jumlah OKU, pendaftaran KOKU akan memudahkan KPWKMM melakukan perancangan yang sistematis seperti menyediakan kelas khas, pusat pemulihan, peluang pekerjaan dan bantuan perekonomian bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan dan sederhana. Namun begitu, jumlah pendaftaran KOKU masih lagi tidak memberangsangkan

kerana tiada kesedaran masyarakat tentang hal ini. *Berita Harian Online* melaporkan dalam sesi Dewan Rakyat, sehingga bulan Julai 2014 hanya seramai 506,228 OKU telah mendaftar dengan JKMM dan tidak melalui SMOKU (506,228 orang OKU sudah didaftar di bawah JKM, 2014). Isu tentang kurangnya kesedaran mereka mendaftarkan anak OKU turut mendapat perhatian wartawan *Berita Harian Online* seperti Muhammad Yusri Muzamir, Akmal S Manaf dan Mohd Zulkifli Zainuddin. Laporan berita daripada Mohd Zulkifli merayu ibu bapa dan penjaga mempercepatkan proses pendaftaran anak OKU (Mohd Zulkifli, 2019), Yusri Muzamir pula mencadangkan pihak kerajaan mewajibkan pendaftaran KOKU (Yusri Muzamir, 2019) serta Akmal dan Zulkifli, dalam rencana mereka mempersoalkan sikap ibu bapa dan penjaga tidak mengambil berat terhadap pendaftaran OKU (Akmal & Zulkifli, 2015). Tulisan Akmal dan Zulkifli itu menjelaskan bahawa tujuan kerajaan menggalakkan pendaftaran KOKU dilakukan adalah sebagai jaminan membangunkan semua kemudahan termasuk menggunakan pengangkutan awam dan mengakses bangunan, di samping mengklasifikasikan fasiliti itu sebagai 'mesra OKU' (Akmal dan Zulkifli, 2015).

### **Kesedaran Masyarakat Mengenai Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008)**

Peruntukan sebuah akta yang dominan dan berkesan kepada komuniti OKU sering diperdebatkan dan diperkatakan oleh kerajaan dan persatuan-persatuan OKU Malaysia. Sesebuah akta dibentuk adalah bagi melindungi kesejahteraan dan pembangunan dalam peruntukan undang-undangnya seperti hak untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Selain itu, tujuan diperuntukkan AOKU 2008 atau dikenali juga Akta 685 adalah bagi menyedarkan masyarakat tentang keperluan OKU dari segi menuntut hak-hak mereka seiring dengan taraf kehidupan seperti masyarakat normal yang lain. Berita Harian Online telah melaporkan isu tentang hal ini menerusi wartawan dan penulis bebas yang mengulas perihal akta ini.

Menerusi laporan berita akhbar itu, Fahmy A Rosli menjelaskan bahawa AOKU 2008 diperuntukkan supaya semua masyarakat menghormati dan mematuhi keperluan minimum kepada OKU (Fahmy A Rosli, 2019). Dalam laporan berita tersebut, JKMM dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) sedang berusaha membangunkannya dengan mengkaji dan mengemas kini keperluan hak-hak OKU dan selepas pindaan dibuat, hukuman terhadap penyalahgunaan fasiliti OKU dan kelalaian pemilik bangunan akan dikuatkuasakan (Fahmy A Rosli, 2019). Jika akta ini tidak dikuatkuasakan kepada OKU, komuniti OKU akan terbeban dengan segala kesukaran untuk mengakseskan diri mereka dengan sempurna dari luar rumah mereka. Hal ini bermaksud, sekiranya berlaku kejadian yang boleh mengganggu-gugatkan keupayaan atau musibah, dengan adanya akta ini, perkara disebutkan di dalam akta itu adalah hak yang boleh dibela dan dipertahankan di mahkamah. Setakat ini, dilihat hanya pihak berkuasa tempatan sahaja yang ada menyediakan beberapa kemudahan OKU tetapi tidak dari segi penguatkuasaannya sehingga ada pihak tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan fasiliti khas kepada mereka.

Sehubungan itu, untuk merealisasikan akta ini dikuatkuasakan adalah bertujuan memberi kesedaran kepada ibu bapa anak cacat serta OKU tentang pentingnya mendaftarkan kepada JKMM, selain memberi perlindungan, pembangunan dan kesejahteraan OKU agar kehidupan mereka masih seperti masyarakat lain di Malaysia (506,228 orang OKU sudah didaftar di bawah JKM, 2014). Walaupun AOKU 2008 telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2007 dan dikuatkuasakan pada 8 Julai 2008, sebenarnya akta ini adalah sebuah akta

terpenting dalam memberi pengiktirafan perundangan kepada hak-hak OKU. Laporan Berita Harian Online juga memaparkan terkilannya seorang OKU yang juga merupakan seorang peguam, Mah Hassan Omar terhadap tertangguhnya penguatkuasaan dan pindaan terhadap AOKU 2008. Pendapat beliau bahawa AOKU 2008 merupakan satu-satunya akta yang memperuntukkan undang-undang secara ‘eksklusif’ berkaitan komuniti berkenaan. Menurutnya;

Sebagai peguam, saya agak terkilan kerana hak golongan ini termaktub dalam undang-undang, tetapi tidak dipertahan dan dibela sewajarnya. Begitu juga hak pejalan kaki dan hak akses (Fahmy A Rosli, 2019).

Natijahnya, akta itu sendiri diperuntukkan bagi menguatkuasakan dan menjaga hak-hak kepentingan OKU dari segi kesempurnaan dan keselamatan mereka yang mungkin masyarakat kurang mengambil serius tentang hal tersebut selain melarang diskriminasi ke atas dasar kelainan upaya.

### **Penyalahgunaan Akses OKU**

Kerajaan Malaysia, kerajaan tempatan serta sektor swasta telah menyediakan beberapa kemudahan akses kepada OKU di tempat-tempat awam untuk kegunaan mereka ketika beriadah, membeli belah mahupun dalam keadaan kecemasan tanpa memerlukan bantuan. Namun begitu, sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan fasiliti seperti tandas khas, laluan kerusi roda, lif dan parkir yang telah disediakan kepada komuniti itu tanpa memikirkan akibatnya jika kemudahan akses itu telah mengalami kerosakan atau halangan laluan kepada mereka. Akmal S Manaf dan Zulkifli Zainuddin telah melaporkan tentang isu ini bertajuk ‘Rakus ceroboh kemudahan OKU’ (Akmal & Zulkifli, 2015). Menurut mereka, sikap pengguna bukan OKU yang mementingkan diri sendiri dan mengambil kesempatan menggunakan fasiliti tanpa memikirkan kesulitan yang dialami oleh OKU telah menghadkan pergerakan golongan itu. Wartawan tersebut memberi contoh sifat buli bukan OKU yang menggunakan kemudahan khas untuk mereka iaitu enggan mengalihkan kenderaan dengan pelbagai alasan termasuklah parkir telah penuh dan tiada komuniti itu menggunakaninya. Lebih sukar situasi ialah bukan OKU yang menyalahgunakan kemudahan khas itu bukan setakat enggan beralih, malah sanggup mengeruhkan lagi keadaan ketika ditegur. Situasi tersebut digambarkan dalam laporan wartawan seperti yang berikut:

Saya bukan OKU, tapi hanya petak khas itu saja yang kosong, kebetulan pula dekat dengan kedai makan. Saya fikir tidak menjadi masalah sebab jarang nampak golongan OKU letak kenderaan di sini,

Awak mahu ambil gambar saya, awak tahu saya siapa? Awak tak ada kerja lain?  
Saya boleh buat awak dipecat tau?, dan,

*You (awak) tau sekarang susah mau cari ‘parking’. OKU ini pun bukan selalu ada, apa salah saya ‘parking’ sini (Akmal & Zulkifli, 2015).*

Oleh hal yang sedemikian, Akmal dan Zulkifli mengesyorkan pihak berwajib seperti kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), polis dan pihak berkuasa bangunan mengambil tanggungjawab dan tindakan sewajarnya terhadap perkara itu (Akmal & Zulkifli, 2015). Para wartawan tersebut telah menemu bual Presiden Persatuan Cerebral Palsy Malaysia (MyCP), Zatul Hejanah Abdulilah bagi mengulas tentang isu yang ditonjolkan itu. Menurut Zatul, kebanyakan kemudahan OKU disediakan seolah-olah ‘melepas batuk di tangga’ apabila pelaksanaannya tidak menyeluruh serta tiada penguatkuasaan dilaksanakan (Akmal & Zulkifli, 2015).

Laporan berita daripada Fahmy A Rosli pula menjelaskan bahawa apabila AOKU 2008 dipinda, antara lain ialah bagi membolehkan individu atau pihak yang menyalahgunakan kemudahan khas didakwa (Fahmy A Rosli, 2019). Hal ini disebabkan sebelum akta berkenaan dipinda, ia lebih cenderung kepada memberi kesedaran terhadap masyarakat supaya menghormati kemudahan akses OKU. Dalam sesi temu bual beliau dengan bekas Pengarah JKMM, Zulkifli Ismail, menjelaskan pihak berkuasa tempatan menyediakan fasiliti kepada OKU tetapi dari segi penguatkuasaannya tidak dilaksanakan kecuali membentuk kesedaran agar tidak menggunakan fasiliti OKU seperti papan tanda (Fahmy A Rosli, 2019). Jelas Zulkifli lagi, melalui pemindaan akta berkenaan, syarat pembinaan bangunan atau premis akan menjadi syarat utama kelulusan pembinaan sekiranya kemudahan akses OKU seperti rem, laluan pejalan kaki dan pemegang tangan dan pihak pemaju perlu menanggung 30% kos peruntukan itu.

Penyalahgunaan fasiliti lain kepada OKU yang disediakan oleh kerajaan turut menjadi dilema kepada mereka apabila golongan bukan OKU sewenang-wenangnya menggunakan pelekat kenderaan OKU bagi tujuan memudahkan mereka berparkir di tempat khas OKU. Oleh itu, pihak kerajaan mengambil inisiatif mencadangkan plat kenderaan digunakan bagi mengantikan penggunaan pelekat kenderaan OKU. Bekas menteri terlibat, Datuk Seri Rina Mohd Harun memaklumkan, hal ini mengambil kira kepentingan dan keperluan komuniti itu yang berdaftar dengan JKMM memerlukan kemudahan akses untuk parkir khas disebabkan oleh limitasi mobiliti dan faktor keselamatan (Plat kenderaan ganti pelekat OKU, 2020). Akhbar ini melaporkan bahawa cadangan ini akan membolehkan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan kemudahan akses untuk OKU dapat dilaksanakan secara bersepadu dan meluas oleh pihak berkuasa.

## **Peluang Pekerjaan**

Isu berkaitan peluang pekerjaan untuk OKU sering diperjuangkan oleh mereka melalui persatuan orang-orang cacat dan NGO di Malaysia. Malahan, suara-suara mereka turut dipaparkan dalam media massa sebagai medium komunikasi bagi menyampaikan tuntutan dan luahan kepada pihak kerajaan dan swasta dalam menyediakan peluang pekerjaan yang sesuai dengan jenis kecacatan mereka. Satu isu dilema OKU yang mengalami kemalangan atau mengidap penyakit kronik menyebabkan mereka telah kehilangan pekerjaan, lebih-lebih mereka adalah ketua keluarga.

Dalam hal ini, Berita Harian Online mendedahkan kesengsaraan OKU yang kehilangan pekerjaan selepas mengalami kecacatan akibat kemalangan jalan raya, di tempat kerja maupun akibat penyakit kronik. Bagi mengatasi kekangan itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memperkenalkan Program Kembali Bekerja (PKB) pada tahun 2007. Dalam catatan laporan berita Norma Mansor, program yang diperkenalkan oleh PERKESO itu bertujuan untuk membantu pekerja yang mengalami kecederaan berkaitan kemalangan

di tempat kerja dan mereka yang menuntut pencegahan kurang upaya serta mendapat lindungan insurans PERKESO kembali bekerja melalui pendekatan biopsikososial dan pelbagai bantuan lain (Norma Mansor, 2014). Menurut Norma, PKB memainkan peranan penting dalam memperkasakan ekonomi golongan OKU melalui pekerjaan selepas mereka pulih setelah menerima rawatan hospital dan melakukan rawatan pemulihan atau fisiologi (Norma Mansor, 2014). Menurut rekod yang dikeluarkan oleh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), sasaran untuk mengintegrasikan 1,050 pekerja yang cedera ke dalam tenaga kerja, diikuti dengan 1,700 pekerja yang cedera pada tahun 2011 dan 1,890 pekerja pada tahun 2013 telah memberi peluang kepada OKU memperbaiki taraf ekonomi mereka (Norma Mansor, 2014). Sehubungan itu, dalam laporan akhbar yang disediakan oleh Mohd Azis Ngah, dinyatakan seramai 22,753 pekerja yang hilang upaya berjaya mendapatkan kembali pekerjaan menerusi program itu sejak 2007 (Mohd Azis, 2019). Menerusi tulisan Mahani Ishak pula, sehingga tahun 2020, PERKESO melalui PKB telah membantu seramai 28,992 OKU dan yang mempunyai masalah kesihatan yang kronik telah mendapat pekerjaan semula (Mahani Ishak, 2020).

Isu-isu lain tentang peluang pekerjaan kepada OKU yang telah cacat sejak lahir telah lama dibincangkan oleh persatuan-persatuan OKU supaya mendesak pihak kerajaan dan swasta memberi peluang pekerjaan yang sesuai demi membela nasib mereka. Menurut laporan akhbar itu, pihak kerajaan perlu memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk bekerja dalam sektor awam (Hanya 2 kementerian kementerian ada kakitangan OKU lebih 1 peratus, 2020). Menerusi kenyataan Azzman Abdul Jamal, hal ini adalah kerana pengambilan kerja OKU dalam sektor awam masih rendah dengan diperuntukkan hanya 1% sahaja (Azzman Abdul Jamal, 2019). Seterusnya, laporan berita oleh Aslina Abu Bakar pula, Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) memohon kerajaan negeri Terengganu memberi peluang pekerjaan setara mengikuti taraf kelulusan pengajian kepada OKU pendengaran dan pertuturan atau bisu selaras dengan peruntukan AOKU 2008 yang menggalakkan peruntukan 1% kepada mereka dalam sektor awam (Aslina Abu Bakar, 2017).

Laporan yang dilakukan oleh Nurul Amanina Suhaini dalam Berita Harian Online Edisi Selatan turut membincangkan isu yang sama dengan lebih berfokus kepada galakan kerajaan negeri Johor kepada OKU mampu menjadi pekerja yang produktif bagi menyumbang kepada pembangunan negara. Menurut laporan itu lagi, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan masyarakat yang inklusif untuk membantu komuniti itu bagi menghapuskan apa sahaja bentuk halangan termasuk sikap dan persekitaran dalam memastikan OKU dapat hidup sama rata bersama masyarakat lain (Nurul Amanina, 2017). Tambah lagi akhbar itu;

Kerajaan negeri juga meminta majikan yang mengajikan pekerja dalam kalangan OKU untuk tidak mengabaikan elemen pengupayaan sosial, antaranya menekankan elemen reka bentuk sejahtera dan penyediaan sistem sokongan yang berorientasikan kepada keperluan seseorang pekerja (Nurul Amanina, 2017).

Lanjutan dari isu yang sama, pada tahun 2017, Datuk Seri Rohani Abdul Karim menggesa OKU mencari peluang pekerjaan dan dalam masa yang sama meraih elauan kerajaan bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka melalui sektor ekonomi, sekali gus dapat membantu menangani kos sara hidup semasa yang semakin mencabar (Samadi Ahmad, 2017). Pihak KPWKMM juga berjanji memberi bentuk latihan kemahiran sebagai satu sijil untuk menuju ke alami pekerjaan yang sesuai kepada komuniti tersebut supaya dapat berdikari dan

mempunyai pekerjaan sendiri (Samadi Ahmad, 2017).

Isu terkini berkaitan peluang pekerjaan kepada OKU ialah gesaan supaya pihak kerajaan semasa membuka peluang pekerjaan lebih terbuka dengan menambah peratusan kuota pekerja OKU dari lebih 1% seperti ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 (Hanya 2 kementerian kementerian ada kakitangan OKU lebih 1 peratus, 2020) untuk bekerja dalam sektor awam supaya lebih ramai OKU memperbaiki taraf kehidupan mereka. Cadangan Ras Adiba Radzi yang mewakili komuniti OKU dalam Dewan Negara, Parlimen Malaysia supaya sektor awam dapat memberi lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor awam kerana mereka juga mampu berkhidmat untuk negara. Beliau menambah, menerusi peratusan yang terhad itu, setakat bulan Jun 2019, jumlah pengisian OKU dalam perkhidmatan awam ialah seramai 3,686 kakitangan iaitu bersamaan 0.29 peratus sahaja (Hanya dua kementerian kementerian ada kakitangan OKU lebih 1 peratus, 2020).

### **Fasiliti Khas OKU**

Kemudahan fasiliti kepada OKU merupakan antara isu yang penting diperjuangkan oleh mereka tersebut kepada kerajaan mahupun pihak swasta demi menuntut hak yang sama seperti masyarakat lain di premis-premis awam, terutamanya sistem pengangkutan dan tempat awam. Dalam memperjuangkan isu tentang penyediaan prasarana khas kepada OKU itu, media massa melalui Berita Harian Online menonjolkan isu ini bagi menyampaikan informasi kepada umum dan pihak kerajaan serta swasta. Wartawan, Hidayah Mohammad (2019) dalam laporannya memaparkan kelemahan sistem infrastruktur antara faktor yang menyebabkan OKU masih tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna. Kelemahan sistem prasarana telah menyukarkan mereka bergerak bebas, seperti laluan kerusi roda tidak sempurna, rem dibina tidak mengikut spesifikasi yang sesuai dengan kerusi roda, selain laluan pejalan kaki OKU penglihatan tidak mesra pengguna (Hidayah Mohammad, 2019).

Mahani Ishak turut mengemukakan isu yang sama tetapi lebih berfokus kepada perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) di Kuala Lumpur dan pinggar bandar raya itu. Pihak KPWKMM telah mengadakan simulasi bersama-sama sekumpulan OKU yang dari pelbagai kategori kecacatan mencuba menaiki perkhidmatan MRT bagi tujuan membuktikan mereka mengakseskan perkhidmatan itu dengan mudah (Mahani Ishak, 2017). Pihak kementerian itu telah memberi ulasan mencadangkan supaya pihak pengendali MRT, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) menempatkan sekumpulan sukarelawan di setiap stesen dalam usaha membantu OKU, selain menambahkan bilangan papan tanda dan blok batuan pejalan kaki, berikutan pengguna perlukan masa untuk menyesuaikan diri (Mahani Ishak, 2017). Dalam isu yang sama juga, Samadi Ahmad mencatat bahawa isu ini timbul disebabkan berlaku kemalangan membabitkan OKU penglihatan ketika menggunakan pengangkutan awam (Samadi Ahmad, 2017).

Dalam isu yang sama tetapi berfokus kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), Balqis Jazimah Zahari (2016) mencadangkan kepada pihak tersebut memastikan keperluan bagi OKU tidak diketepikan di tempat-tempat awam, kerana menurutnya, fasiliti kepada komuniti itu yang telah disediakan masih belum mencapai standard sepatutnya seperti ditetapkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Seterusnya, Nik Sukry Ramli melaporkan supaya PBT diminta menguatkuasakan reka bentuk sejagat atau universal design dalam setiap keperluan merancang dan mereka pelan bangunan bagi memudahkan OKU mengakseskan bangunan dalam urusan rasmi di premis awam dan swasta (Nik Shukry Ramly, 2019).

## Pendidikan dan Kebajikan

Pemerkasaan pendidikan biasa dan pendidikan khas kepada OKU sebagai modal insan seharusnya tidak meminggirkan mereka asalkan kerajaan memahami kehendak dan aspirasi pelajar berkeperluan khas. Potensi dan bakat OKU melalui kepelbagaiaan bidang bagi membentuk hidup berkualiti bermula dengan peluang pendidikan. Berita Harian Online tidak terlepas menyebarkan maklumat mengemukakan isu tentang penyediaan peluang pendidikan kepada golongan itu. Mary Victoria Dass (2018) dalam laporannya mengemukakan isu pendidikan OKU dengan tertumpu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan usaha menaik taraf sekolah di seluruh negara secara berperingkat supaya lebih mesra OKU. Mary menjelaskan, kementerian itu akan menyediakan peruntukan RM200,000.00 bagi setiap sekolah yang mempunyai pelajar OKU dalam melaksanakan usaha menambah baik fasiliti fizikal serta kemudahan pengajaran dan pembelajaran (Dass, 2018). Kementerian itu juga memaklumkan pada tahun 2018 terdapat 82,000 murid dan pelajar OKU yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Program Pendidikan Inklusif (PPI) atau di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan daripada kira-kira 10,000 buah sekolah di seluruh negara, hanya lebih 1,000 buah sekolah adalah mesra OKU (Dass, 2018).

Laporan berita lain yang menonjolkan isu pendidikan OKU ialah daripada Melvin Joni berkenaan keengganan ibu bapa anak OKU yang bersikap malu dan tidak dapat menerima hakikat memiliki anak cacat. Sikap negatif ibu bapa menjadi antara punca utama kebanyakannya enggan mendaftarkan anak mereka sebagai murid berkeperluan khas di sekolah kerajaan. Justeru, laporan Melvin (2019) itu bertujuan menyedarkan ibu bapa untuk mendaftar dan menghantar anak terbabit ke SPK atau PPKI dan PPI di sekolah kerajaan malah diberi elaun RM150.00 sebulan. Sekiranya ibu bapa dan penjaga anak OKU yang bertindak tidak mendaftarkan anak terbabit, ianya telah menafikan hak mereka untuk memperoleh pendidikan sempurna, selain tidak dapat belajar berdikari dan menjalani hidup lebih berkualiti pada masa hadapannya.

Seterusnya, isu berkaitan kebijakan OKU turut mendapat perhatian wartawan akhbar ini. Kebijakan dari sudut bantuan kewangan sara hidup dan permulaan perniagaan telah dilakukan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan Malaysia dan KPWKMM dalam usaha menaik taraf kehidupan komuniti ini. Setiap tahun belanjawan negara akan memperuntukkan sejumlah wang bagi membantu mereka dengan pelbagai bentuk intensif mempertingkatkan taraf perekonomian mereka yang menceburti perniagaan kecil-kecilan, pertanian serta penternakan. Isu terkini dalam laporan berita Sophia Ahmad (2020) mengetengahkan isu bantuan OKU oleh kerajaan dinaikkan kadar bantuan bulanan dalam Belanjawan Negara 2021 termasuk EPC. Menurut Sophia, kerajaan menambah baik kebijakan golongan rentan, iaitu kadar bantuan OKU tidak berupaya bekerja dinaikkan daripada RM250.00 kepada RM300.00, bantuan penjagaan OKU, pesakit kronik terlantar pula dinaikkan daripada RM350.00 kepada RM500.00 serta kadar EPC pula dinaikkan daripada RM400.00 kepada RM450.00 (Sophia Ahmad, 2020). Menerusi belanjawan itu, seorang lagi wartawan, Suzalina Halid memberitahu bahawa kerajaan juga memperuntukkan RM5 bilion untuk bantuan kebijakan selain pelepasan cukai kepada OKU dan pasangannya sendiri turut dimanfaatkan dengan had pelepasan sebanyak RM6,000.00 dan pasangannya RM5,000.00 (Suzalina Halid, 2020).

Sungguhpun bantuan kepada komuniti OKU sering mendapat perhatian utama daripada kerajaan dengan menambah baik aspek kebijakan, keselamatan dan kemudahan yang mereka perlukan, tetapi dikhawatirkan mereka akan menjadi penagih bantuan berterusan. Oleh itu, OKU

harus menyedari bantuan yang dihulurkan adalah penting supaya mereka dapat berdikari meneruskan kelangsungan hidup tanpa bergantung harap kepada simpati dan ihsan orang lain. Dalam hal ini, OKU sangat mengharapkan penambahan program dan kemudahan serta peranan bagi membantu membangunkan minda dan fizikal terhadap mereka menjadi lebih produktiviti dan penyumbang kepada pembangunan negara. OKU sangat berharap nasib dan peluang mereka dapat dibela dan diberi perhatian yang serius. Sehubungan itu, suara-suara mereka dalam dewan parlimen dan dewan undangan negeri dapat didengari melalui jawatan senator OKU kerana pelantikan jawatan ini sangat penting untuk bertindak sebagai penasihat dalam isu-isu yang melibatkan mereka terutama yang berkaitan aksesibiliti, inklusif ataupun merapatkan jurang perbezaan bertaraf hidup antara masyarakat biasa dengan OKU di Malaysia.

### **Penderaan dan Gangguan Seksual**

OKU wanita kerap kali diganggu seksual dari pelbagai cara iaitu perogolan dan amang seksual yang meliputi fizikal, psikologi dan isyarat seksual atau bukan lisan. Kejadian ini sering berlaku di rumah, di tempat perlindungan, tempat kerja, tempat awam dan media sosial terutama dalam media Facebook. Berita Harian Online sebagai media komunikasi massa berpengaruh telah melapor dan berkongsi maklumat tentang hal ini kepada masyarakat supaya menjadi teladan agar kegiatan negatif itu tidak berulang. Laporan berita daripada Meor Ridwan Meor Ahmad (2018) bertajuk ‘Peningkatan gangguan seksual terhadap OKU membimbangkan’ mengulas kebimbangan KPWKM tentang semakin berleluasa penderaan dan gangguan seksual terhadap wanita OKU di Malaysia. Penjenayahuan seksual tidak memilih umur mangsa termasuk kanak-kanak OKU yang tidak berdaya mempertahankan diri mereka daripada pemangsa. Oleh hal demikian, pentingnya peranan ibu bapa dan penjaga supaya peka terhadap penjagaan dan keselamatan kanak-kanak OKU. Kesan psikologi agak mendalam kepada mereka akibat pengeksplorasi seksual kanak-kanak seperti diri mereka terasa terancam, dihina, dipermalukan dan dicabul maruah yang akhirnya mengalami impak emosi yang teruk untuk dihadapi oleh diri mereka sendiri dan kebebanan kepada ibu bapa.

Laporan kisah penderaan seksual ini turut dikongsikan oleh Mahani Ishak. Beliau menjelaskan penderaan dan gangguan seksual ini bersifat salah satu bentuk diskriminasi kepada komuniti itu dan dicabuli hak maruahnya. Menurut beliau, lima cabaran utama kerap ditempuhi wanita dalam kalangan OKU ialah berkaitan gangguan seksual, manipulasi, identiti, kebolehcapaian dan perlindungan terhadap mereka (Mahani Ishak, 2018). Dalam temu ramah beliau dengan seorang wanita OKU, Aizan Sofia menjelaskan bahawa;

Isu gangguan seksual dan sering dimanipulasi, contohnya, ada antara mereka mengadu ada pihak mengambil kesempatan ketika rawatan perubatan moden dan tradisional (Mahani Ishak, 2018).

Sehubungan itu, faktor utama terjadinya peristiwa hitam kepada kaum wanita OKU adalah disebabkan kegagalan ibu bapa dan penjaga yang melindungi mereka dari segi keselamatan dan keperluan mereka itu sendiri. Mereka yang serba kurang upaya tidak dapat mempertahankan maruah diri sendiri, di samping sukar atau tidak mampu untuk mengesani sesuatu situasi yang mencurigakan, boleh dimanipulasi oleh orang lain serta tidak tahu caranya melaporkan amang seksual kepada penjaga dan pihak berkuasa. Ibu bapa

dan penjaga harus memainkan peranan lebih sensitif dan tegas supaya OKU tidak merasa terpinggir disebabkan diskriminasi seksual yang berlaku terhadap mereka.

### **OKU dan Keagamaan**

Isu tempat ibadah bagi umat Islam yang tidak mesra OKU kepada mereka berkerusi roda kerap kali ditonjolkan oleh wartawan dalam akhbar Berita Harian Online. Selain itu, mereka juga memaparkan berita tentang kejayaan menerbitkan al-Quran dalam tulisan braille untuk dimanfaatkan oleh OKU penglihatan. Masjid sebagai tempat untuk semua golongan masyarakat melakukan ibadah agama termasuk OKU. Walau bagaimanapun, tidak semua tempat ibadah khususnya masjid atau surau menyediakan kemudahan akses OKU, seperti laluan rem, lif, tandas khas, parkir khas, tempat berwuduk serta halangan laluan ke dalam masjid kepada pengguna kerusi roda. Hasliza Hassan (2015) dalam laporannya bertajuk ‘Prasarana mesra OKU di masjid masih kurang’ telah mendedahkan isu ini yang berfokus kepada OKU yang sukar mengakses masjid untuk beribadah terutama solat Jumaat dan kelas pengajian agama disebabkan tiada fasiliti yang khusus untuk mereka. Jelas Hasliza lagi, pihak bertanggungjawab termasuk jabatan hal ehwal agama sepatutnya mewajibkan semua tempat beribadah Islam perlu ada kesungguhan untuk memenuhi kehendak OKU dengan menyediakan kemudahan diperlukan mereka dan lebih penting boleh dimanfaatkan sebaiknya. Dalam laporannya itu, beliau menyeru masyarakat perlu disedarkan mengenai masalah dihadapi OKU supaya mereka dapat menyantuni komuniti berkenaan, dengan memberikan keperluannya, termasuk dari aspek kemudahan menunaikan ibadah (Hasliza Hassan, 2015).

Bagi memudahkan OKU penglihatan membaca al-Quran dan menghayatinya, sebuah universiti Islam tempatan telah membangunkan al-Quran *braille* serta penyediaan modul pembelajaran agama dalam tulisan itu. *Berita Harian Online* melalui wartawannya, Latifah Arifin telah melaporkan dalam tahun 2016 dan 2018, usaha Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperkenalkan modul terbaharu dinamakan ‘eBraille Hijaiyyah’ bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran asas al-Quran Braille dengan memberi harapan besar kepada OKU itu untuk mendalami ilmu agama (Latifah Arifin, 2018). Wartawan lain, Mohd Amin Jalil melaporkan kejayaan USIM membantu OKU penglihatan menjalankan kerjasama dengan syarikat swasta dan NGO membekal al-Quran braille dalam usaha memartabatkan pendidikan Islam dalam kalangan OKU iaitu dalam aspek pembangunan tadabbur al-Quran tematik melalui multimedia, meningkatkan kadar literasi dan ruang ilmu (Mohd Amin Jalil, 2019).

### **KESIMPULAN**

Laporan berita dan artikel yang terkandung dalam Berita Harian Online berkenaan isu-isu OKU di Malaysia menyalurkan informasi kepada kerajaan, jabatan yang bertanggungjawab, persatuan orang cacat dan badan bukan kerajaan untuk menambaikbaikan keperluan penyediaan kemudahan akses dan mempertahankan hak-hak mereka. Beberapa isu yang diperbincang dan ditonjolkan dalam penerbitan akhbar ini telah mendapat perhatian kerajaan seperti isu penyalahgunaan kemudahan akses untuk OKU, peluang pekerjaan, bantuan kemudahan, gangguan seksual, peluang pendidikan OKU dan fasiliti sempurna kepada OKU di tempat awam. Ternyata *Berita Harian Online* telah digunakan sebagai platform penting

bagi menyebarkan mesej OKU pada kerajaan dan masyarakat. Peranan wartawan akhbar ini sebagai perantara untuk menyampaikan wadah mengetengahkan suara mereka bagi memahami keluhan, rintihan, harapan dan memperkasakan OKU agar dapat disampaikan kepada pembuat dasar hal ehwal OKU.

Hasil daptatan daripada penulisan ini telah dapat mengesani sejauh mana isu-isu OKU yang dikemukakan oleh *Berita Harian Online* difahami oleh pihak kerajaan dalam menangani isu-isu OKU serta menyedarkan masyarakat bahawa isu berkaitan komuniti ini bukannya ‘satu perkara yang diambil mudah’. Masyarakat perlu menyelami kesukaran mereka dalam mengharungi kehidupan sebagai insan yang kurang upaya dan perlu diberi sokongan dan bantuan yang sewajarnya termasuk menghindar penyalahgunaan kemudahan akses untuk OKU. Oleh sebab itu, *Berita Harian Online* yang merupakan akhbar berbahasa Melayu arus perdana dan berpengaruh menjadi objektif sebagai wadah media komunikasi massa yang banyak menonjolkan isu-isu OKU dan juga wadah penyebaran yang berkesan kepada masyarakat. Masyarakat hari ini lebih menumpukan media komunikasi massa melalui teknologi maklumat dan sumber dari internet atau ‘maklumat di hujung cari’ dalam memperolehi sumber maklumat dan berita semasa. Justeru, berita secara *online* seperti *Berita Harian* ini dapat mempengaruhi dan mendidik masyarakat dalam menyampaikan maklumat tentang isu-isu OKU di Malaysia.

## RUJUKAN

- 506,228 orang OKU sudah didaftar di bawah JKM. (2014, Oktober 13). *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/10/11314/506228-orang-oku-sudah-didaftar-di-bawah-jkm?fbclid=IwAR2ei8eW72jZsWU69th7wVVMe7RIou1hbK0yPoq2eTFLHx2TZttfQHkCdio>
- Akmal S Manaf & Zulkifli Zainuddin. (2015, September 21). Rakus ceroboh kemudahan OKU. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/83358/rakus-ceroboh-kemudahan-oku?fbclid=IwAR3TFIDOUeO3gwSyMdI\\_R7hix9t2Caok9U6HZyzIy8L5Bs7lxjsTcdQH7E](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/83358/rakus-ceroboh-kemudahan-oku?fbclid=IwAR3TFIDOUeO3gwSyMdI_R7hix9t2Caok9U6HZyzIy8L5Bs7lxjsTcdQH7E)
- Angka OKU daftar dengan JKM masih rendah. (2015, April 9). *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/04/46567/angka-oku-daftar-dengan-jkm-masih-rendah-rohani?fbclid=IwAR3YjsPnnK4VFQJ5FgZY26MZzIguRChTuKNGI93mBZkqB35YlmybxTEAdnM>
- Aslina Abu Bakar. (2017, Oktober 27). Kecil bagi orang lain, besar bagi kami. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/342888/kecil-bagi-orang-lain-besar-bagi-kami>
- Azzman Abdul Jamal. (2019, Ogos 17). Pengambilan kerja OKU dalam sektor awam masih rendah. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/08/597063/pengambilan-kerja-oku-dalam-sektor-awam-masih-rendah?fbclid=IwAR2iEeodBKzxOH0iZuXvj0rzIVyS8PGCmK353lBAJlugUtUXkuZzC2ZPnf8>
- Balqis Jazimah Zahari. (2016, Januari 30). Kemudahan mesra OKU perlu ditingkatkan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2643/2016/01/119662/kemudahan-mesra-oku-perlu-ditingkatkan>
- Dass, M. V. (2018, November 25). Sekolah bakal mesra OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/502038/sekolah-bakal-mesra->

- oku?fbclid=IwAR1cOGFzNMfAxaWTKru-uizSL7DbLCDQGmyGhOyHKJXyn6KjGDnNIru\_c6M
- Fahmy A Rosli. (2019, Disember 1). Dakwa individu salah guna kemudahan OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/633980/dakwa-individu-salah-guna-kemudahan-oku?fbclid=IwAR2iEeodBKzxOH0iZuXvj0rzIVyS8P>
- Fairuz Sabiq & Meliana Damayanti. (2017, November). Implementation Of Public Facilities And Disability Treatments: A Comparison Between Indonesia And Malaysia. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 153, 11-15. DOI: 10.2991/icddims-17.2018.3
- Hanya 2 kementerian ada kakitangan OKU lebih 1 peratus. (2020, Disember 12). *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/764344/hanya-2-kementerian-ada-kakitangan-oku-lebih-1-peratus?fbclid=IwAR2p3Rw2weouHpTFJ9vE7OuSdQ7TI0qUIEzqNzix7MDVjCg7NXHwMgNcsFI>
- Hasliza Hassan. (2015, November 7). Prasarana mesra OKU di masjid masih kurang. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/11/94981/prasarana-mesra-oku-di-masjid-masih-kurang?fbclid=IwAR1yFmrxj070OYLTplhh3g4jKSEYpWC2okVzfpdhFI84qo5BrA7UnSaeBug>
- Hazlin Falina Rosli et al. (2015). Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia: Melalui Perspektif Media. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015* (2nd ICoMM), 16th – 17th November 2015, 192-199.
- Hidayah Mohammad. (2019, Februari 20). Agensi kerajaan, swasta kurang sensitif keperluan OKU. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/02/532823/agensi-kerajaan-swasta-kurang-sensitif-keperluan-oku?fbclid=IwAR3TFIDOUeO3gwSyMdI\\_R7hix9t2Caok9U6HZyzIy8L5Bs7lxjsTcdQH7E](https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/02/532823/agensi-kerajaan-swasta-kurang-sensitif-keperluan-oku?fbclid=IwAR3TFIDOUeO3gwSyMdI_R7hix9t2Caok9U6HZyzIy8L5Bs7lxjsTcdQH7E)
- Ikmal Hisham Mat Tah & Khairil Azmin Mokhtar. (2018, Januari). Konsep hak asasi manusia bagi orang kurang upaya di Malaysia: Suatu analisis. *Jurnal Kanun*, 30(1), 109-136.
- Ikmal Hisham Mat Tah. (2013). Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu analisis perundungan di Malaysia. *International Conference on Law, Policy & Social Justice*, 10-11 September, Park Royal Hotel, Pulau Pinang.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2019). *Statistik pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga 31 Dis 2018*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/Statistik%20Pendaftaran%20OKU%20Sehingga%2031%20Ogos%202022.pdf>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). *Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat*. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNPbUlPayt2QT09>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat*. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20\(2\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019, 15 Julai). *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia*. Siaran Akhbar. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=Vjc3dFd5cXhNYTZtbnVhS0IEWEpudz09>
- Joni, Melvin. (2019, April 4). Enggan daftar anak OKU sebagai MBK di sekolah kerajaan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/548847/enggan-daftar-anak-oku-sebagai-mbk-di-sekolah-kerajaan?fbclid=IwAR0OY-umBm7mMs78ElrQveJM1OBdUWttoUNysCAEoTzzRdIPxLG95yBuffg>

- Latifah Arifin. (2016, Mei 8). OKU terus terasing dalam fahami Islam. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/05/151481/oku-terus-terasing-dalam-fahami-islam?fbclid=IwAR3wibWcsXtpga\\_WLl5al36\\_py0T7nuTKv\\_eIO5Umuk6GXSchX0vGCoTMhw](https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/05/151481/oku-terus-terasing-dalam-fahami-islam?fbclid=IwAR3wibWcsXtpga_WLl5al36_py0T7nuTKv_eIO5Umuk6GXSchX0vGCoTMhw)
- Latifah Arifin. (2018, November 2). Bantu orang buta dalami agama, al-Quran. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/493868/bantu-orang-buta-dalami-agama-al-quran?fbclid=IwAR1FNGCHf30Lz95VfKbg61OoKT9YPXOGgQWu-W84fMdclf-xh8AFnTFzoE>
- Mahani Ishak. (2017, Ogos 7). Perkhidmatan MRT tidak abaikan OKU, warga emas. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/309742/perkhidmatan-mrt-tidak-abaikan-oku-warga-emas?fbclid=IwAR29tMky8r8hpe5qsRFXpXY6ks94hiv-MYTJ\\_VTQ6-xYz2XZ-NBYUOc5OnI](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/309742/perkhidmatan-mrt-tidak-abaikan-oku-warga-emas?fbclid=IwAR29tMky8r8hpe5qsRFXpXY6ks94hiv-MYTJ_VTQ6-xYz2XZ-NBYUOc5OnI)
- Mahani Ishak. (2018, September 24). OKU dimanipulasi, dicabar haknya. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/09/477316/oku-dimanipulasi-dicabar-haknya?fbclid=IwAR16jue\\_k5viqAS5Tf1KcJOaGBIMBqllylwRRwK4iON52ZJQIrR9WJibid8](https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/09/477316/oku-dimanipulasi-dicabar-haknya?fbclid=IwAR16jue_k5viqAS5Tf1KcJOaGBIMBqllylwRRwK4iON52ZJQIrR9WJibid8)
- Mahani Ishak. (2020, Januari 16). Program RTW bantu OKU kembali bekerja. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/01/647273/program-rtw-bantu-oku-kembali-bekerja?fbclid=IwAR1WuO1S3D3DHrlJQWaE2xCAjDWlyfVJrJik-6W4Gm-x3EBCBQMVGDSVs>
- Meor Riduan Meor Ahmad. (2018, September 1). Peningkatan gangguan seksual terhadap OKU membimbangkan. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/468707/peningkatan-gangguan-seksual-terhadap-oku-membimbangkan?fbclid=IwAR1p3je-LxqjCoX8VLB8q86UqdZ448ba\\_yvNbVtEscWP45KxyCDoaBy5r7U](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/468707/peningkatan-gangguan-seksual-terhadap-oku-membimbangkan?fbclid=IwAR1p3je-LxqjCoX8VLB8q86UqdZ448ba_yvNbVtEscWP45KxyCDoaBy5r7U)
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2011). Kekurangan upaya bukan penghalang. *Titian Alumni*. Majalah Alumni Universiti Malaya.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2018). Aku Anak Jati Aloq Staq: Catatan Memori Zaman Remaja OKU. *Alor Setar Dalam Warna Kemeriah Silam*. Penerbit Muzium Negeri Kedah Darulaman, 216-221.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2018). Disabilities and challenges in University of Malaya, 2006-2010: Muzammil's experience as a PhD candidate. *Majalah Alumni Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2022). Penilaian semula keberkesanan Pusat Kehidupan Berdikari (*Independent Living Centre*) Orang Kurang Upaya (OKU) di Lembah Klang (Laporan Akhir Kajian). Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Mohd Amin Jalil. (2019, April 17). USIM bantu tingkatkan pendidikan Islam OKU. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/04/554126/usim-bantu-tingkatkan-pendidikan-islam-oku?fbclid=IwAR1HtHUXdd2J\\_RCVrpto1NmgeWNnt4pJnb9g9r-IPFMtZYFWpSl0CkDWXow](https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/04/554126/usim-bantu-tingkatkan-pendidikan-islam-oku?fbclid=IwAR1HtHUXdd2J_RCVrpto1NmgeWNnt4pJnb9g9r-IPFMtZYFWpSl0CkDWXow)
- Mohd Azis Ngah. (2019, April 13). 22,753 orang hilang upaya kembali bekerja. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/552663/22753-orang-hilang-upaya-kembali-bekerja?fbclid=IwAR1mh7o\\_4XlQy75fm2oOlidiMHR3Jk4w85zlD5s9eeFVze9q7qV9BEZE1WA](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/552663/22753-orang-hilang-upaya-kembali-bekerja?fbclid=IwAR1mh7o_4XlQy75fm2oOlidiMHR3Jk4w85zlD5s9eeFVze9q7qV9BEZE1WA)

- Mohd Azrone Sarabatin. (2017, Jun 27). MOKU 2017 pendedahan kepada kemudahan OKU. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/06/296779/moku-2017-pendedahan-kepada-kemudahan-oku?fbclid=IwAR1FNGCHf30Lz95VfKbg61OoKT9YPXOGgQWu\\_-W84fMdclf-nh8AFnTFzoE](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/06/296779/moku-2017-pendedahan-kepada-kemudahan-oku?fbclid=IwAR1FNGCHf30Lz95VfKbg61OoKT9YPXOGgQWu_-W84fMdclf-nh8AFnTFzoE)
- Mohd Ismail Ibrahim. (2014). *Persoalan & Penyelesaian Penjagaan Kanak-kanak OKU: Panduan untuk Ibubapa*. Kubang Kerian: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Zulkifli Zainuddin. (2019, April 25). Masih ramai tidak daftar anak OKU dengan JKM. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/04/557107/masih-ramai-tidak-daftar-anak-oku-dengan-jkm?fbclid=IwAR371xpJn-r2beBs6bRQamvhBbMIPzGIK7JBuuOlvpI7NRMgJItj7YZDC4>
- Nik Sukry Ramli. (2019, April 13). Kuat kuasa reka bentuk sejagat untuk keselesaan OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/552601/kuat-kuasa-reka-bentuk-sejagat-untuk-keselesaan-oku?fbclid=IwAR3dVPKWfhFHyaAwPn6mS7zCOP5z0NV7M5-GR2FauYIEbEdjO3HhMrzuY7k>
- Norma Mansor. (2014, September 25). Program Kembali Bekerja perkasa ekonomi OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/09/7880/program-kembali-bekerja-perkasa-ekonomi-oku?fbclid=IwAR2Lp2Y20AIga1qLcDX69Pi1xhWstud8C0RCU1bupTyHgDFFu1SDXYhfWE>
- Nurul Amanina Suhaini. (2017, Oktober 17). Golongan OKU mampu jadi insan produktif. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/338602/golongan-oku-mampu-jadi-insan-produktif?fbclid=IwAR2iEeodBKzxOH0iZuXvj0rzIVyS8PGCmK353lBAJlJugUtUXkuZzC2ZPnf8>
- OKU digesa mendaftar dengan JKM. (2020, Ogos 19). *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/722922/oku-digesa-mendaftar-dengan-jkm-ras-adiba?fbclid=IwAR2ln07CrUEDQIKUE6ocIavmIutEijxQ2ip780lLt1UvQvDATbQ3\\_xynu18](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/722922/oku-digesa-mendaftar-dengan-jkm-ras-adiba?fbclid=IwAR2ln07CrUEDQIKUE6ocIavmIutEijxQ2ip780lLt1UvQvDATbQ3_xynu18)
- Perlu tujuh ILC demi keperluan OKU. (2019, September 5). *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/493586/perlu-tujuh-ilc-demi-keperluan-oku>
- Plat kenderaan ganti pelekat OKU. (2020, Disember 21). *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/767647/plat-kenderaan-ganti-pelekat-oku?OKU&fbclid=IwAR1V7XXjWnUDBHCfakWj5zZeMK1qM\\_cnbGxH5Yev1h6hGYYEoVJqlchwu7c](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/767647/plat-kenderaan-ganti-pelekat-oku?OKU&fbclid=IwAR1V7XXjWnUDBHCfakWj5zZeMK1qM_cnbGxH5Yev1h6hGYYEoVJqlchwu7c)
- Rozdan Mazalan. (2019, Disember 16). Tindakan tegas jika ibu bapa gagal daftar anak OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/12/639211/tindakan-tegas-jika-ibu-bapa-gagal-daftar-anak-oku?fbclid=IwAR2ei8eW72jZsWU69th7wVVMe7RIou1hbK0yPoq2eTFLHx2TZttfQHkCdio>
- Samadi Ahmad. (2017, April 25). OKU disaran bekerja untuk raih lebih elauan kerajaan. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/275672/oku-disaran-bekerja-untuk-raih-lebih-elaun-kerajaan?fbclid=IwAR2hiwOFwEyav\\_uGEZzG162nVwauFN2D-HyhfLXyj43\\_0tryFAdxpXk8M6w](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/275672/oku-disaran-bekerja-untuk-raih-lebih-elaun-kerajaan?fbclid=IwAR2hiwOFwEyav_uGEZzG162nVwauFN2D-HyhfLXyj43_0tryFAdxpXk8M6w)
- Samadi Ahmad. (2017, November 23). Pengendali perkhidmatan awam perlu peka keselamatan OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/354476/pengendali-perkhidmatan-awam-perlu-peka-keselamatan-oku?fbclid=IwAR0OY-umBm7mMs78ElrQveJM1OBdUWttoUNysCAEoTzzRdIPxLG95yBuffg>

- Sophia Ahmad. (2020, November 6). Belanjawan 2021: Bantuan OKU, warga emas dinaikkan. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/750755/belanjawan-2021-bantuan-oku-warga-emas-dinaikkan?fbclid=IwAR1Yu7l7dEo2ezCJ8ZU8n\\_mZcesY6oelMqe4nq5x0UXUTvie27i8GFBpvY](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/750755/belanjawan-2021-bantuan-oku-warga-emas-dinaikkan?fbclid=IwAR1Yu7l7dEo2ezCJ8ZU8n_mZcesY6oelMqe4nq5x0UXUTvie27i8GFBpvY)
- Suzalina Halid. (2020, September 14). RM5 bilion untuk bantuan kebajikan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/731225/rm5-bilion-untuk-bantuan-kebajikan>
- Undang-undang Malaysia. (2008). *Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008)*. <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20685%20-%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf>
- WHO and World Bank (2011). *World Report on Disability*. <https://www.who.int/publications/item/9789241564182>.
- Yusri Muzamir. (2019, Disember 8). Kerajaan disyor wajibkan pendaftaran OKU. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/636557/kerajaan-disyor-wajibkan-pendaftaran-oku?fbclid=IwAR14ow\\_pVOKfx4A5RwvszA5KSU84nNSAVExoaYcpyGwv3B3V6q5iEDgVeqs](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/636557/kerajaan-disyor-wajibkan-pendaftaran-oku?fbclid=IwAR14ow_pVOKfx4A5RwvszA5KSU84nNSAVExoaYcpyGwv3B3V6q5iEDgVeqs)